

**NO. SOALAN : 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD NOR BIN HAJI MONUTTY**

**TARIKH : 12 SEPTEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 16**

**Dr. Mohd Nor Bin Haji Monutty** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah ada perancangan untuk memecahkan monopoli 'Grab' dalam perkhidmatan 'e-hailing'.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 3 Ogos 2018, terdapat 16 Perniagaan Pengantaraan (syarikat *e-hailing*) yang aktif menjalankan perkhidmatan *e-hailing* dengan seramai 500ribu orang pemandu. Antara Perniagaan Pengantaraan yang aktif adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat Perniagaan Pengantaraan	Jumlah Pemandu Berdaftar
1.	Grab Car	92.52%
2.	MyCar	4.24%
3.	Ez Cab	1.32%
4.	Zepp On	0.73%
5.	Pick n Go	0.40%
6.	Quulo	0.20%
7.	Dacsee	0.16%
8.	EEVOM	0.13%
9.	Riding Pink	0.13%
10.	MULA Car	0.13%
11.	GoGo Empire	0.02%
12.	Unicablink	0.01%
13.	Need Taxi	0.01%
14.	My Ride	0.00%
15.	U-Car	0.01%
16.	Diff	0.08%
<b>Jumlah</b>		<b>100%</b>

**Nota:** Terdapat pertindihan rekod data pemandu yang berdaftar di antara perniagaan pengantaraan.

Kerajaan sedar bahawa Grab merupakan penyedia perkhidmatan *e-hailing* terbesar di Malaysia selepas UBER Technologies Inc. menjual perniagaannya di rantau Asia Tenggara kepada Grab. Bagi memastikan Grab tidak beroperasi secara monopoli, Kerajaan akan terus menggalakkan Perniagaan Pengantaraan terutamanya syarikat tempatan, untuk menceburi dan memberi perkhidmatan *e-hailing*. Kerajaan juga turut menetapkan dua (2) perkara penting untuk memastikan Grab tidak boleh mengambil kesempatan ke atas pengguna dan pemandu *e-hailing* kerana kedudukan monopoli mereka:

- i) Menetapkan kadar surc妖 maksima adalah sebanyak dua (2) kali ganda dari kadar tambang sahaja; dan
- ii) Menetapkan kadar komisen maksima yang boleh dikenakan:
  - a. Bagi pemandu teksi, 10% untuk setiap perjalanan; dan
  - b. Bagi pemandu *e-hailing*, 20% untuk setiap perjalanan.

Dalam masa yang sama, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam memastikan wujudnya persaingan yang sihat di dalam perkhidmatan *e-hailing* demi menjaga kepentingan pengguna dan penyedia perkhidmatan.